



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENCUKAIAN INDIVIDU
BERMASTAUTIN BAHAGIAN III –
PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN DAN
CUKAI KENA DIBAYAR**

KETETAPAN UMUM NO. 3/2023

TARIKH PENERBITAN: 6 NOVEMBER 2023



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR**

**Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi ketiga

Edisi kedua pada 13 September 2018

Edisi pertama pada 6 Jun 2005

© 2023 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR**

**Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023**

KANDUNGAN

Muka surat

1.	Objektif	1
2.	Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3.	Tafsiran	1
4.	Pengiraan Cukai Pendapatan dan Cukai Kena Dibayar	1
5.	Rebat Cukai	3
6.	Kredit Dua Belah Pihak dan Kredit Sebelah Pihak	16
7.	Bayaran Cukai Suami atau Isteri di bawah Taksiran Bersama	16
8.	Pemakaian	17
9.	Kemaskini dan Pindaan	17
10.	Penafian	18



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR**

**Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023**

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan cara mengira cukai pendapatan dan cukai kena dibayar bagi individu yang bermastautin di Malaysia.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 6, 6A, 7, 20, 21, 44 hingga 51 dan Jadual 1.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Individu” bermaksud orang biasa.
- 3.2 “Jumlah Pendapatan” untuk suatu tahun taksiran (TT) adalah pendapatan agregat ditolak kerugian perniagaan tahun asas, perbelanjaan di bawah Jadual 4, 4B dan hadiah wang tunai, sumbangan berbentuk barangan, manuskrip, artifak dan lukisan di bawah seksyen 44 ACP.
- 3.3 “Tempoh asas” berhubung dengan seseorang, suatu puncanya dan suatu TT bermaksud tempoh asas, sekiranya ada, seperti yang ditentukan mengikut seksyen 21 ACP.
- 3.4 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.
- 3.5 “Tahun asas” bermaksud tahun kalendar yang berbetulan dengan suatu tahun taksiran hendaklah menjadi tahun asas bagi tahun taksiran itu, seperti yang ditentukan mengikut seksyen 20 ACP.

4. Pengiraan Cukai Pendapatan dan Cukai Kena Dibayar

- 4.1 Setelah pendapatan bercukai ditentukan seperti yang dijelaskan dengan terperinci dalam KU No. 5/2022 bertajuk “Pencukaian Individu Bermastautin – Bahagian II: Pengiraan Jumlah Pendapatan dan Pendapatan Yang Boleh Dikenakan Cukai”, langkah seterusnya adalah menentukan cukai pendapatan yang dikenakan dan cukai yang kena dibayar oleh individu atau yang dibayar balik kepada individu.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023

- 4.2 Cukai pendapatan yang dikenakan bagi suatu TT terhadap pendapatan bercukai setiap individu bermastautin dalam tempoh asas tahun berkenaan hendaklah diberi potongan rebat cukai sebelum apa-apa tolakan kredit cukai dibenarkan seperti yang diperuntukan dalam subseksyen 6A(1) ACP.
- 4.3 Format pengiraan cukai pendapatan yang dikenakan dan cukai yang kena dibayar oleh/ dibayar balik kepada individu adalah seperti berikut:

	RM	RM
Pendapatan bercukai	XX	
Cukai atas pendapatan bercukai XX yang pertama		XX
Cukai atas baki pendapatan bercukai XX @ XX%		<u>XX</u>
Cukai pendapatan dikenakan		XX
Tolak: Rebate cukai		
• Individu	XX	
• Pasangan	XX	
• Levi pelepasan yang dibayar bagi tujuan perjalanan mengerjakan umrah atau perjalanan bagi tujuan keagamaan agama lain (terhad kepada dua kali perjalanan)	XX	
• Zakat dan fitrah	<u>XX</u>	XX
Tolak: Kredit cukai		
• Kredit cukai dari unit amanah, amanah pelaburan harta tanah	XX	
• Kredit cukai dua belah pihak atas pendapatan luar negara di mana terdapat perjanjian pengelakan pencukaian dua kali	XX	
• Kredit cukai sebelah pihak atas pendapatan luar negara di mana tiada	<u>XX</u>	<u>XX</u>



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023

perjanjian pengelakan pencukaian dua kali		
Cukai pendapatan kena dibayar/ dibayar balik		<u>XX</u>

- 4.4 Bagi individu yang bermastautin, cukai pendapatan akan dikenakan ke atas pendapatan bercukai individu itu pada kadar skala mengikut Bahagian 1, Jadual 1 di bawah ACP.

5. Rebat Cukai

- 5.1 Rebat cukai diberikan kepada individu yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas bagi suatu TT di bawah subseksyen 6A(2), (2A), dan (3) ACP bertujuan untuk mengurangkan amaun cukai kena dibayar oleh individu berkenaan. Rebat cukai ini ditolak daripada cukai pendapatan dikenakan untuk menentukan cukai pendapatan kena dibayar.

- 5.2 Terdapat dua jenis rebat cukai yang dibenarkan iaitu:

- (a) rebat cukai yang diberikan tanpa dikaitkan dengan sebarang perbelanjaan apabila syarat yang ditetapkan dipenuhi seperti rebat individu; dan
- (b) rebat cukai diberikan apabila pembayar cukai melakukan perbelanjaan sebenar seperti levi pelepasan, bayaran zakat dan fitrah.

- 5.3 Mengikut subseksyen 6A(4) ACP, sekiranya dalam suatu TT, rebat cukai adalah lebih besar daripada cukai pendapatan dikenakan, lebihan itu tidak boleh –

- (a) dibayar balik kepada pembayar cukai; atau
- (b) dibawa ke hadapan sebagai kredit untuk ditolak daripada tanggungan cukai pendapatan individu bagi tahun-tahun taksiran berikutnya.

- 5.4 Rebat individu

Subseksyen 6A(2) ACP memperuntukkan rebat cukai layak dituntut oleh individu yang bermastautin yang mempunyai pendapatan bercukai bagi tahun asas suatu TT seperti berikut:

- (a) Rebat sebanyak RM400 diberi kepada individu yang dibenarkan potongan diri dan saudara tanggungan di bawah perenggan 46(1)(a) ACP bagi TT tersebut dan mempunyai pendapatan bercukai bagi tahun asas itu tidak melebihi RM35,000 – perenggan 6A(2)(a) ACP.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023

- (b) Rebat sebanyak RM400 diberi kepada suami yang dibenarkan potongan untuk isteri di bawah subseksyen 47(1) atau (2) ACP bagi TT tersebut dan mempunyai pendapatan bercukai bagi tahun asas itu tidak melebihi RM35,000 – perenggan 6A(2)(b) ACP.
- (c) Rebat sebanyak RM400 diberi kepada isteri yang dibenarkan potongan untuk suami di bawah seksyen 45A ACP bagi TT tersebut dan mempunyai pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000 – perenggan 6A(2)(c) ACP.

Contoh 1

Nadia bermastautin di Malaysia dalam tahun 2022 dan mempunyai pendapatan bercukai sebanyak RM34,000 bagi tahun berakhir 31.12.2022.

Bagi TT 2022, Nadia –

- bermastautin di Malaysia dan layak mendapat potongan diri dan saudara tanggungan di bawah perenggan 46(1)(a) ACP; dan
- mempunyai pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000,

maka dia layak mendapat rebat individu sebanyak RM400 bagi TT 2022.

Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Nadia bagi TT 2022

	RM
Pendapatan bercukai	34,000
Cukai atas pendapatan bercukai RM20,000 yang pertama	150.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai RM14,000 @ 3%	<u>420.00</u>
Cukai pendapatan dikenakan	570.00
Tolak: Rebat cukai individu – perenggan 6A(2)(a) ACP	<u>400.00</u>
Cukai pendapatan kena dibayar	<u>170.00</u>

Contoh 2

Azlan dan isterinya, Nadia bermastautin di Malaysia dalam tahun 2022. Pendapatan bercukai Azlan dan Nadia bagi tahun berakhir 31.12.2022 adalah berjumlah RM38,500 dan RM34,000 masing-masing.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023

Bagi TT2022, Azlan dan Nadia –

- bermastautin di Malaysia dan masing-masing layak mendapat potongan diri dan saudara tanggungan di bawah perenggan 46(1)(a) ACP; dan
- Hanya Nadia layak mendapat rebat individu sebanyak RM400. Azlan tidak layak mendapat rebat individu kerana pendapatan bercukainya melebihi RM35,000.

Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Azlan dan Nadia bagi TT 2022

	Azlan RM	Nadia RM
Pendapatan bercukai	38,500	34,000
Cukai atas pendapatan bercukai: RM35,000 / RM20,000 yang pertama	600.00	150.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai: RM3,500 @ 8%;	<u>280.00</u>	
RM14,000 @ 3%;		<u>420.00</u>
Cukai pendapatan dikenakan	880.00	570.00
Tolak: Rebat cukai individu – perenggan 6A(2)(a) ACP	<u>-</u>	<u>400.00</u>
Cukai pendapatan kena dibayar	<u>880.00</u>	<u>170.00</u>

Contoh 3

Kee Siong dan isterinya, Angela adalah pemastautin di Malaysia dalam tahun asas 2022. Jumlah pendapatan Kee Siong dan Angela bagi tahun berakhir 31.12.2022 adalah sebanyak RM39,000 dan RM12,000 masing-masing. Angela ada membuat caruman KWSP sebanyak RM3,600. Bagi TT 2022, Angela memilih untuk ditaksir bersama suami di bawah perenggan 45(2)(a) ACP.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023

Pengiraan Pendapatan Bercukai Kee Siong bagi TT 2022

	RM	RM
Jumlah pendapatan Kee Siong		39,000
Jumlah pendapatan Angela		<u>12,000</u>
Jumlah pendapatan Kee Siong dan Angela disatukan		51,000
Tolak: Potongan yang dibenarkan		
Diri dan saudara tanggungan	9,000	
Isteri	4,000	
Caruman KWSP	<u>3,600</u>	<u>16,600</u>
Pendapatan bercukai		<u>34,400</u>

Bagi TT 2022, Kee Siong –

- bermastautin di Malaysia dan layak mendapat potongan diri dan saudara tanggungan di bawah perenggan 46(1)(a) ACP;
- layak mendapat potongan untuk isteri di bawah subseksyen 47(1)(a) ACP; dan
- mempunyai pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000,

dia layak mendapat rebat individu sebanyak RM800 iaitu RM400 untuk diri sendiri dan RM400 untuk isteri.

Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Kee Siong bagi TT 2022

		RM
Pendapatan bercukai		34,400
Cukai atas pendapatan bercukai RM20,000 yang pertama		150.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai RM14,400 @ 3%		<u>432.00</u>
Cukai pendapatan dikenakan		582.00
Tolak: Rebat cukai		
Diri sendiri	400.00	
Isteri	<u>400.00</u>	
	<u>800.00</u>	



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023

Cukai pendapatan kena dibayar	582.00 <u>Terhad¹</u> <u>Tiada</u>
-------------------------------	---

Nota:

¹Pemberian rebat cukai individu kepada Kee Siong dihadkan kepada jumlah cukai pendapatan yang dikenakan. Lebihan RM218 (RM800 – RM582) tidak dibayar balik kepada Kee Siong atau dibawa ke hadapan untuk ditolak daripada cukai pendapatan bagi TT berikutnya sebagaimana yang ditetapkan di bawah subseksyen 6A (4) ACP.

Contoh 4

Castello yang bermastautin di Malaysia telah menceraikan isterinya pada 2.1.2022. Dia telah membayar alimoni sebanyak RM12,000 dalam tahun 2022 kepada bekas isterinya mengikut perintah mahkamah. Jumlah pendapatan Castello bagi TT 2022 adalah RM44,800.

Pengiraan Pendapatan Bercukai Castello bagi TT 2022

	RM	RM
Jumlah pendapatan		44,800
Tolak: Potongan yang dibenarkan		
Diri dan saudara tanggungan	9,000	
Alimoni kepada bekas isteri (terhad)	<u>4,000</u>	<u>13,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>31,800</u>

Bagi TT2022, Castello –

- bermastautin di Malaysia dan layak mendapat potongan diri dan saudara tanggungan di bawah perenggan 46(1)(a) ACP;
- layak mendapat potongan untuk isteri di bawah subseksyen 47(2) ACP; dan
- mempunyai pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000,

dia layak mendapat rebat individu sebanyak RM800 iaitu RM400 untuk diri sendiri dan RM400 untuk isteri.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023

Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Castello bagi TT 2022

	RM	RM
Pendapatan bercukai		31,800
Cukai atas pendapatan bercukai RM20,000 yang pertama		150.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai RM11,800 @ 3%		<u>354.00</u>
Cukai pendapatan dikenakan		504.00
Tolak: Rebat cukai		
Diri sendiri – perenggan 6A(2)(a) ACP	400.00	
Isteri – perenggan 6A(2)(b) ACP	<u>400.00</u>	
	<u>800.00</u>	504.00
Cukai pendapatan kena dibayar		<u>Terhad²</u> <u>Tiada</u>

Nota:

²Rebat cukai yang diberikan kepada Castello adalah dihadkan kepada cukai pendapatan yang dikenakan. Lebihan RM296 (RM800 – RM504) tidak dibayar balik kepada beliau atau dibawa ke hadapan untuk ditolak daripada cukai pendapatan Castello bagi TT berikutnya sebagaimana yang ditetapkan di bawah subseksyen 6A(4) ACP.

5.5 Rebat cukai bagi bayaran levi pelepasan

5.5.1 Subseksyen 6A(2A) ACP memperuntukkan rebat cukai layak dituntut oleh individu yang bermastautin di Malaysia bagi suatu TT bagi bayaran levi pelepasan yang dikenakan berdasarkan Akta Levi Pelepasan 2019 [Akta 813] ke atas orang yang meninggalkan Malaysia melalui mod laluan udara bagi tujuan mengerjakan umrah atau untuk ziarah ke tempat suci bagi tujuan keagamaan lain (pilgrimage). Rebat cukai ini berkuat kuasa mulai TT 2019.

5.5.2 Tuntutan rebat ini hendaklah dibuktikan melalui dokumen berikut:

- (a) pas masuk (boarding pass); dan
- (b) Bagi perjalanan:
 - (i) umrah – salinan visa yang dikeluarkan oleh Kedutaan Arab Saudi; atau

- (ii) ziarah ke tempat suci untuk tujuan keagamaan lain – surat pengesahan dari badan keagamaan yang diiktiraf di bawah Jawatankuasa Mempromosi Persefahaman Dan Keharmonian Antara Penganut Agama, Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional di Jabatan Perdana Menteri.

5.5.3 Kadar levi pelepasan yang ditetapkan seperti dalam Akta Levi Pelepasan 2019 adalah seperti berikut:

Kelas Penerbangan	Destinasi / Kadar	
	ASEAN (RM)	Selain ASEAN (RM)
Ekonomi	8.00	20.00
Selain ekonomi	50.00	150.00

5.5.4 Rebat cukai ke atas levi pelepasan yang dibenarkan adalah bersamaan dengan amaun levi yang dibayar oleh individu untuk dirinya sahaja dan bilangan tuntutan adalah terhad kepada dua kali perjalanan seumur hidup. Tuntutan rebat ini tidak dibenarkan bagi levi pelepasan yang dibayar bagi perjalanan untuk mengerjakan haji.

Contoh 5

Kamal dan isteri bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2022. Pada 15.12.2022, Kamal telah membuat bayaran levi pelepasan berjumlah RM300 iaitu sebanyak RM150 masing-masing untuk diri dan isterinya bagi menunaikan ibadah umrah. Pendapatan bercukai Kamal bagi TT 2022 adalah sebanyak RM34,000 manakala isterinya tidak bekerja. Pas masuk dan salinan visa yang dikeluarkan oleh Kedutaan Arab Saudi dikemukakan sebagai bukti.

Bagi TT 2022, Kamal dibenarkan potongan diri dan saudara tanggungan di bawah perenggan 46(1)(a) ACP dan potongan untuk isteri di bawah subseksyen 47(1) ACP dan layak menuntut -

- rebat cukai individu bagi diri dan isteri sebanyak RM800 kerana kedua-duanya bermastautin di Malaysia, mempunyai pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000; dan



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023

- rebat cukai bagi levi pelepasan yang dibayar untuk dirinya sahaja sebanyak RM150.

Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Kamal bagi TT 2022

	RM	RM
Pendapatan bercukai		34,000
Cukai atas pendapatan bercukai RM20,000 yang pertama		150.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai RM14,000 @ 3%		<u>420.00</u>
Cukai pendapatan dikenakan		570.00
Tolak: Rebat cukai Individu		
Diri sendiri dan isteri (RM400 + RM400)	800.00	
Levi pelepasan diri sendiri	<u>150.00</u>	570.00
Cukai pendapatan kena dibayar		<u>terhad³</u> <u>Tiada</u>

Nota:

³Jumlah rebat cukai yang dibenarkan kepada Kamal adalah dihadkan kepada jumlah cukai pendapatan dikenakan. Lebihan rebat RM380 (RM950 – RM570) tidak boleh dibayar balik atau dibawa ke hadapan untuk ditolak daripada cukai pendapatan Kamal bagi TT berikutnya sebagaimana yang ditetapkan di bawah subseksyen 6A(4) ACP.

5.6 Rebat cukai bagi bayaran zakat, fitrah dan lain-lain bayaran yang wajib bagi agama islam

5.6.1 Subseksyen 6A(3) ACP memperuntukkan seorang individu yang bermastautin di Malaysia dan mempunyai pendapatan bercukai layak menuntut rebat cukai bagi bayaran zakat, fitrah atau lain-lain bayaran yang diwajibkan oleh agama Islam yang dibayar kepada pihak berkuasa agama yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Jumlah rebat yang dibenarkan kepada individu adalah dihadkan kepada cukai pendapatan yang dikenakan bagi suatu TT.

5.6.2 Tuntutan rebat zakat ini hendaklah dibuktikan dengan resit rasmi yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama yang ditubuhkan di

bawah mana-mana undang-undang bertulis termasuk Pusat Pungutan Zakat dan Majlis Agama Islam Negeri.

5.6.3 “Undang-undang bertulis” bermaksud -

- (a) Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya;
- (b) Akta Parlimen dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya;
- (c) Ordinan dan Enakmen dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya; dan
- (d) apa-apa enakmen perundangan atau instrumen perundangan yang berkuat kuasa di Malaysia atau mana-mana bahagian daripadanya.

5.6.4 Bagi suami dan isteri yang ditaksir berasingan, masing-masing layak mendapat rebat cukai ke atas zakat yang dibayar.

5.6.5 Mengikut peruntukan ACP, jika –

- (a) isteri memilih taksiran bersama atas nama suami; atau
- (b) suami memilih taksiran bersama atas nama isteri,

hanya suami atau isteri yang ditaksir atas namanya sahaja yang layak mendapat rebat cukai bagi zakat yang dibayar olehnya. Zakat yang dibayar oleh isteri atau suami yang memilih taksiran bersama tidak dibenarkan sebagai rebat cukai daripada cukai dikenakan ke atas pasangan yang ditaksir. Zakat yang dibayar oleh isteri/ suami yang tidak bekerja atau tidak mempunyai punca pendapatan atau tiada jumlah pendapatan juga tidak boleh dibenarkan sebagai rebat daripada cukai yang dikenakan ke atas pasangan.

Contoh 6

Rosman bemastautin di Malaysia dalam tahun asas 2022 dan mempunyai pendapatan bercukai berjumlah RM165,000. Zakat yang dibayar oleh Rosman bagi tahun berakhir 31.12.2022 adalah seperti berikut:



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023

	RM
Pusat Pungutan Zakat Johor Bahru	4,900.00
Majlis Ugama Islam Singapura (Zakat)	1,940.00

**Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Rosman bagi TT
2022**

	RM	RM
Pendapatan bercukai		165,000
Cukai atas pendapatan bercukai RM100,000 yang pertama		10,700.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai RM65,000@ 24%		<u>15,600.00</u>
Cukai pendapatan dikenakan		26,300.00
Tolak: Rebat cukai Individu	-	
Rebat zakat	<u>4,900.00</u>	<u>4,900.00⁴</u>
Cukai pendapatan kena dibayar		<u>21,400.00</u>

Nota:

⁴Hanya zakat yang dibayar kepada Pusat Pungutan Zakat Johor Bahru dibenarkan sebagai rebat. Zakat yang dibayar kepada Majlis Ugama Islam Singapura tidak boleh diberikan sebagai rebat kerana pusat pungutan zakat tersebut tidak ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia.

Contoh 7

Zahid dan isteri, Sarah adalah pemastautin Malaysia dalam tahun 2022. Zahid mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM51,000 bagi tahun berakhir 31.12.2022 manakala isterinya tidak bekerja. Dalam tahun asas 2022, Zahid membuat bayaran berikut:

- (i) Caruman kepada KWSP berjumlah RM4,600; dan
- (ii) Zakat dan fitrah berjumlah RM825



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023

Pengiraan Pendapatan Bercukai Zahid bagi TT 2022

	RM	RM
Jumlah pendapatan		51,000
Tolak: Potongan yang dibenarkan		
Diri dan saudara tanggungan	9,000	
Isteri	4,000	
KWSP (terhad)	<u>4,000</u>	<u>17,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>34,000</u>

Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Zahid bagi TT 2022

	RM	RM
Pendapatan bercukai		34,000
Cukai atas pendapatan bercukai RM20,000 yang pertama		150.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai RM14,000 @ 3%		<u>420.00</u>
Cukai pendapatan dikenakan		570.00
Tolak: Rebat cukai Individu		
Rebat diri RM400 + isteri RM400	800.00	
Rebat zakat	<u>825.00</u>	570.00
	<u>1625.00</u>	<u>Terhad⁵</u>
Cukai pendapatan kena dibayar		<u>Tiada</u>

Nota:

⁵ Lebihan rebat individu dan zakat RM1055 (RM1625 - RM570) tidak boleh dibayar balik atau dibawa ke hadapan sebagai kredit untuk ditolak daripada tanggungan cukai pendapatan yang dikenakan ke atas Zahid bagi TT berikutnya.

Contoh 8

Aimin dan isterinya, Sofia adalah pemastautin Malaysia dalam tahun asas 2022. Jumlah pendapatan dan zakat yang dibayar oleh Aimin dan Sofia bagi tahun berakhir 31.12.2022 adalah seperti berikut:



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023

	Aimin RM	Sofia RM
Jumlah Pendapatan	Tiada (Rugi perniagaan RM15,000)	47,000
Bayaran zakat	250	1,000

Pengiraan Pendapatan Bercukai Sofia bagi TT 2022

	RM	RM
Jumlah pendapatan		47,000
Tolak: Potongan yang dibenarkan		
Diri dan saudara tanggungan	9,000	
Suami	4,000	<u>13,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>34,000</u>

Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Sofia bagi TT 2022

	RM	RM
Pendapatan bercukai		34,000
Cukai atas pendapatan bercukai RM20,000 yang pertama		150.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai RM14,000 @ 3%		<u>420.00</u>
Cukai pendapatan dikenakan		570.00
Tolak: Rebat cukai Individu		
Rebat diri RM400 + isteri RM400	800.00	
Rebat zakat	<u>1,000.00⁶</u>	570.00
	1,800.00	<u>Terhad</u>
Cukai pendapatan kena dibayar		<u>Tiada</u>

Nota:

⁶ Hanya zakat yang dibayar oleh Sofia sahaja layak dituntut sebagai rebat terhadap cukai yang dikenakan. Zakat yang dibayar oleh suami yang tidak



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023

mempunyai jumlah pendapatan tidak boleh diberi potongan rebat zakat terhadap cukai yang dikenakan atas isterinya.

Contoh 9

Rafiq dan isterinya, Aida adalah pemastautin Malaysia dalam tahun asas 2022. Aida memilih untuk ditaksir bersama dengan suaminya bagi TT 2022. Jumlah pendapatan dan zakat yang dibayar oleh Rafiq dan Aida bagi tahun berakhir 31.12.2022 adalah seperti berikut:

	Rafiq RM	Aida RM
Jumlah pendapatan	95,000	25,000
Bayaran zakat	2,000	400

Pengiraan Pendapatan Bercukai Rafiq bagi TT 2022

	RM	RM
Jumlah pendapatan		120,000
Tolak: Potongan yang dibenarkan		
Diri dan saudara tanggungan	9,000	
Isteri	4,000	<u>13,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>107,000</u>

Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Rafiq bagi TT 2022

	RM	RM
Pendapatan bercukai		107,000
Cukai atas pendapatan bercukai RM100,000 yang pertama		10,700.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai RM7,000 @ 24%		<u>1,680.00</u>
Cukai pendapatan dikenakan		12,380.00
Tolak: Rebat cukai Individu	-	
Rebat zakat	<u>2,000⁷</u>	<u>2,000.00</u>
Cukai pendapatan kena dibayar		<u>10,380.00</u>



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023

Nota:

⁷Hanya zakat yang dibayar oleh Rafiq sahaja layak dituntut sebagai rebat terhadap cukai yang dikenakan. Zakat yang dibayar oleh isteri tidak boleh dibenarkan sebagai rebat zakat daripada cukai yang dikenakan terhadap suaminya.

6. Kredit Dua Belah Pihak dan Kredit Sebelah Pihak

- 6.1 Kredit cukai dua belah pihak layak dituntut oleh individu yang bermastautin di Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 132 ACP. Kredit cukai sebelah pihak layak dituntut oleh individu bermastautin atau tidak bermastautin di Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 133 ACP.
- 6.2 Untuk makluman lanjut, sila rujuk KU No.11/2021 bertajuk “Kredit Dua Belah Pihak dan Kredit Sebelah Pihak” yang boleh didapati di portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di www.hasil.gov.my.
- 6.3 Bagi individu yang layak menuntut rebat cukai dan kredit dua belah pihak atau kredit sebelah pihak, bagi tujuan pengiraan kredit dua belah pihak atau kredit sebelah pihak, amaun cukai Malaysia yang dikenakan sebelum kredit dua belah pihak dan sebelah pihak adalah amaun selepas potongan rebat cukai diberikan. Ini adalah selaras dengan subseksyen 6A(1) ACP.

7. Bayaran Cukai Isteri atau Suami di bawah Taksiran Bersama

Sekiranya jumlah pendapatan suami dan isteri disatukan dalam taksiran bersama, individu yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya bertanggungjawab untuk membayar cukai tersebut. Walau bagaimanapun, bahagian cukai yang dibayar atas pendapatan isteri atau suami boleh dipungut daripada salah seorang daripada mereka jika perlu, mengikut formula berikut:

Cukai yang dikenakan atas suami/ isteri	=	$\frac{\text{Jumlah pendapatan suami/ isteri}}{\text{Agregat jumlah pendapatan suami dan isteri}} \times \text{Jumlah cukai yang dikenakan ke atas suami/ isteri untuk TT tersebut.}$
---	---	---



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023

8. Pemakaian

- 8.1 KU ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan KU No. 5/2022 bertajuk “Pencukaian Individu Bermastautin Bahagian I- Hadiah atau Sumbangan dan Potongan yang Dibenarkan” dan KU No. 5/2022 bertajuk “Pencukaian Individu Bermastautin Bahagian II- Pengiraan Jumlah Pendapatan dan Pendapatan Yang Boleh Dikenakan Cukai”.
- 8.2 KU ini menggantikan KU No. 6/2018 bertajuk “Pencukaian Individu Bermastautin Bahagian III- Pengiraan Cukai Pendapatan dan Cukai Kena Dibayar”.

9. Kemaskini dan Pindaan

KU ini menggantikan KU No. 6/2018 bertarikh 13.9.2018.	Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemaskini seperti berikut:	
	Perenggan	Penerangan
	2	Perenggan 2.2 dipinda
	3	Perenggan 3.2 dipinda Perenggan 3.5 ditambah
	4	Perenggan 4.1 dipinda Perenggan 4.2 ditambah Jadual 4.3 dipinda
		Perenggan 5.1 dipinda



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

Ketetapan Umum No. 3/2023
Tarikh Penerbitan: 6 November 2023

	5	Perenggan 5.4 (a), (b), (c) dipinda
		Perenggan 5.5 :Tajuk baru ditambah
		Perenggan 5.5.1, 5.5.2, 5.5.3, 5.5.4 dan 5.5.5 ditambah
		Contoh 1, 2, 3, 4 dipinda dan dikemaskini kepada TT terkini
		Contoh 5 ditambah
		Perenggan 5.6.2 dipinda
		Contoh 6, 7, 8 dan 9 dipinda dan dikemaskini kepada TT terkini
	6	Perenggan 6.2 dipinda
	8	Perenggan 8.1 dan 8.2 dipinda

10. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.